

28/08/2001

Pak Lah pertahan guru besar dedah seks oral

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mempertahankan tindakan guru besar sebuah sekolah rendah di Taiping, Perak, mendedahkan kes seks oral membabitkan empat murid sekolah itu baru-baru ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tidak salah sekolah membuat pendedahan berkenaan bagi membolehkan polis mengambil tindakan.

"Sekolah perlu melaporkan semua kejadian keganasan dan jenayah juvana, termasuk rogol.

"Sekiranya tidak sanggup membuat laporan, kita mungkin mengenakan satu peraturan untuk mereka melaporkan kejadian seperti itu," katanya.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri mengulas tindakan seorang pegawai pendidikan daerah meminta Guru Besar Sekolah Kebangsaan Methodist, Pokok Asam, Taiping, Tengku Habsah Tengku Petera, meminta maaf kepada Jabatan Pendidikan kerana membuat pendedahan itu.

Baru-baru ini, Tengku Habsah yang juga Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), berkata empat murid Tahun Dua sekolah itu melakukan seks oral di bawah meja di bilik darjah.

Siasatan mendapati seorang daripada murid itu mengulangi apa yang dilihatnya selepas menonton video lucu bersama ibu bapanya pada malam sebelumnya. Disebabkan sifat ingin tahu, dia meminta rakan-rakan untuk mencubanya di bawah meja selepas guru meninggalkan bilik darjah.

Pendedahan itu mendapat perhatian pelbagai pihak, termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berikutan pendedahan itu, Abdullah juga mengingatkan guru besar supaya tidak menyembunyikan kejadian jenayah atau perbuatan tidak bermoral yang membabitkan pelajar.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Dialog Peradaban di Universiti Malaya hari ini pula, Abdullah berkata, Kementerian Pendidikan akan mengemas kini pekeliling berkaitan tindakan disiplin terhadap pelajar yang terbabit dalam kegiatan jenayah atau tindakan tidak bermoral yang melampau.

Beliau berkata, pekeliling itu perlu diperinci dan dikaji semula bagi memastikan pihak sekolah tidak gagal membuat laporan polis sekiranya berlaku gejala sosial atau jenayah di sekolah.

Katanya, beliau telah berbincang dengan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad mengenai perlunya pihak sekolah lebih bertanggungjawab membuat laporan kepada pihak berkuasa dan tidak menyembunyikannya daripada pengetahuan umum.

"Semalam saya dah beritahu Musa mengenai perkara ini dan Musa beritahu saya sudah ada satu pekeliling, tetapi pada pandangan dia pekeliling itu perlu diperkemaskan lagi bagi memastikan pihak sekolah membuat laporan," katanya.

Mengenai lima pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM) yang dikenal pasti terbabit menghasut pelajar menentang kerajaan, Abdullah berkata siasatan menyeluruh mengenai kes itu akan dijalankan sebelum tindakan diambil.

"Itu dikenal pasti pada peringkat mereka (UUM) dan kita kena pastikan lagi dengan siasatan polis, selepas itu kita boleh beritahu Kementerian Pendidikan apakah tindakan lanjut yang akan diambil," katanya.

Kelmarin, Naib Canselor UUM Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Basri, berkata lima pensyarah dikenal pasti terbabit secara langsung menghasut pelajar

supaya cenderung kepada parti politik pembangkang dan menentang kerajaan, mengkritik Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) serta pentadbiran universiti.

(END)